



# **HUKUM KANUN BRUNEI HUBUNGANNYA DENGAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA**

**Dr Haji Tassim bin Haji Abu Bakar**  
**Pengarah**  
**Penolong Profesor Kanan**  
**Akademi Pengajian Brunei**  
**Universiti Brunei Darussalam**

# ABSTRAK



Kertas Kerja ini membincangkan tentang *Hukum Kanun Brunei* yang mencatatkan mengenai undang – undang Kesultanan Brunei tradisional khususnya sebelum pentadbiran British pada tahun 1906 Masihi. Perbincangan ditumpukan kepada hubungan manuskrip ini dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) kerana ketiga – tiga komponen berkenaan ditemui dalam manuskrip tersebut. Selain itu, pembicaraan juga menyentuh tentang bukti pelaksanaan undang – undang Islam di Brunei pada abad ke-19 sebagaimana termaktub dalam *Hukum Kanun Brunei*. Hasil analisis ini memperlihatkan bagaimana *Hukum Kanun Brunei* bukan sahaja undang-undang dalam kertas tetapi juga diamalkan oleh Kesultanan Brunei dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan masyarakat Brunei. Dari amalan ini ternyata kanun ini mampu mendokong dalam memperkasakan konsep MIB dalam menjalani kehidupan berbangsa dan bernegara bagi Kesultanan Brunei zaman berzaman.

# Pengenalan



- Sebelum abad ke-20 Masihi kesultanan-kesultanan di Alam Melayu memang mempunyai undang-undang mereka sendiri yang pada umumnya berteraskan undang-undang Islam di samping undang-undang adat.
- Undang-undang ini diwujudkan pada dasarnya untuk menegakkan keadilan yang akan memberi impak kepada keamanan dan kesejahteraan negara.
- Kemunculan undang-undang ini boleh ditemui pada Kesultanan Melaka, Pahang, Kedah dan Perak yang masing-masing dikenali sebagai *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Pahang*, *Undang-Undang Kedah* dan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*.

# Pengenalan



- Hal yang sama juga berlaku kepada Kesultanan Brunei tradisional sebelum tahun 1906 apabila pentadbiran Residen British diperkenalkan pada tahun ini. Undang-undang itu dikenali sebagai *Hukum Kanun Brunei*.
- Bagaimanapun, pembentangan ini hanya membincangkan mengenai hubungan *Hukum Kanun Brunei* dengan falsafah Negara Brunei Darussalam yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB).
- Bagi mengukuhkan hubungan tersebut, pembentang juga melihat pada bukti-bukti pelaksanaan undang – undang Islam Kesultanan Brunei seperti yang terkandung dalam *Hukum Kanun Brunei*. Kebanyakan daripada bukti tersebut ditemui pada abad ke-19.

# MELAYU ISLAM BERAJA



- Falsafah Negara Brunei Darussalam berkonsep Melayu Islam Beraja telah wujud sejak zaman pemerintahan Awang Alak Betatar apabila baginda memeluk agama Islam pada tahun 1368 dengan menukar nama baginda sebagai Sultan Muhammad Syah.

# MELAYU ISLAM BERAJA



- Kewujudan MELAYU ISLAM BERAJA (MIB) sebelum ini telah dikenali KESULTANAN MELAYU ISLAM dalam masa pemerintahan SOAS III.
- Sebelum itu hanya dikenali sebagai **Kesultanan Melayu Islam** dan tidak semua masyarakat Brunei mengetahuinya sehinggalah negara kita mencapai kemerdekaan.

# MELAYU ISLAM BERAJA



- Kenyataan ini tercatat dalam satu nota semasa perundingan dijalankan cadangan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 di antara Setiausaha Negara Great Britain dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei pada 30 September 1957.
- Nota catatan, “Kerajaan Baginda Queen telah memutuskan supaya tidak ada cadangan dibuat yang akan menjatuhkan status Brunei sebagai Kesultanan Melayu Islam”. (C.O. 1030/460, simpanan Jabatan Pusat Sejarah Brunei; Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan Menuju Kemerdekaan 1984, Pusat Sejarah). Jelasnya, sebelum wujud Perlembagaan Negeri Brunei 1959, status Negara Brunei Darussalam adalah sebagai sebuah “**Kesultanan Melayu Islam**”. (Hj Latif Ibrahim, 2003, 39.)

# MELAYU ISLAM BERAJA



- Bagaimanapun kewujudannya tidak pernah diisytiharkan secara rasmi mahupun dimasukkan sebagai sebahagian daripada undang-undang negara. Pengisytiharan secara rasmi hanya dilakukan semasa pencapaian kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

# MELAYU ISLAM BERAJA



Sejak pengiystiharan itu, konsep MIB telah dijadikan undang – undang negara apabila ia dinyatakan secara resmi seperti petikan titah di bawah:

“...Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selama – lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran – ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah...

*Petikan Titah Pemashyuran Kemerdekaan, pada 1 Januari 1984.*

# HUKUM KANUN BRUNEI: PERSOALAN DI KALANGAN SARJANA LUAR DAN TEMPATAN



- *Hukum Kanun Brunei* pula merupakan manuskrip lama dan hingga kini pengarang dan tarikh penulisannya masih belum diketahui. Oleh itu, ia telah menimbulkan berbagai isu mahupun persoalan di kalangan sarjana–sarjana tempatan dan luar.
- Bagi merungkai isu ini, maka para sarjana telah mengemukakan tiga teori utama mengenai tarikh penulisan manuskrip tersebut. Teori – teori ini menyatakan *Hukum Kanun Brunei* ditulis di zaman pemerintahan tiga orang sultan Brunei yang terdiri daripada Sultan Sharif Ali (1425 – 1432), Sultan Saiful Rizal (1533 – 1581) dan Sultan Hassan (1582 – 1598).

# KANDUNGAN *HUKUM KANUN BRUNEI*



- Selain daripada tarikh penulisan manuskrip ini yang kurang jelas, bilangan kandungannya juga menimbulkan isu di kalangan sarjana tempatan dan luar.
- Isu utama yang dibahaskan terbahagi kepada dua iaitu:
  - Pertama dari mana kandungan *Hukum Kanun Brunei* disalin; dan
  - Kedua, bilangan fasal yang terkandung di dalamnya.

# KANDUNGAN

## *HUKUM KANUN BRUNEI*



- Bagi isu pertama, sebahagian sarjana berpendapat ia disalin dari *Hukum Kanun Melaka* sementara sebahagian yang lain menyatakan ia disalin dari *Hukum Kanun Pahang*.
- Sarjana yang mengatakan manuskrip ini disalin dari *Hukum Kanun Melaka* antara lain adalah seorang sarjana Barat, R.O. Winstedt dan sarjana–sarjana tempatan seperti Siti Zaliha Abu Salim dan Haji Asbol Haji Mail.

# KANDUNGAN

## *HUKUM KANUN BRUNEI*



- Alasan yang digunakan adalah fasal 1 hingga 21 di kedua-dua manuskrip tersebut adalah sama. Malah, penyalinan naskah–naskah Melayu pada waktu itu adalah satu kebiasaan memandangkan manuskrip undang–undang di Kesultanan Melayu lainnya seperti Kesultanan Riau, Pahang dan Pontianak juga disalin daripada *Hukum Kanun Melaka*.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



## MELAYU

- Komponen Melayu dalam konsep MIB berkait rapat dengan huruf atau tulisan Jawi kerana Bahasa Melayu menggunakan huruf ini sebagai menggantikan huruf semasa zaman pengaruh Hindu Buddha.
- Tulisan jawi berasal dari tulisan Arab dan kemunculannya di Alam Melayu selari dengan kedatangan agama Islam. Bagi memudahkan masyarakat Melayu memahami dan menerima ajaran Islam maka penulisan mengenai ajaran agama ini ditulis dalam Bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Setelah tulisan jawi berkembang di Alam Melayu, tulisan ini turut digunakan untuk menulis batu–batu nisan, kitab–kitab dan manuskrip termasuklah mengenai undang–undang.
- Sebagai contoh, antara bukti penggunaan tulisan jawi pada batu nisan telah ditemui di Leran, Jawa Timur apabila batu nisan seorang perempuan bernama Fatimah binti Maimun bertarikh 495 Hijrah bersamaan dengan 1083 ditulis menggunakan tulisan jawi.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Begitu juga di Kesultanan Pasai melalui batu nisan Sultan Malik al – Salih bertarikh 1297. Sementara itu, di Terengganu telah ditemui batu bersurat bertarikh 702 Hijrah bersamaan dengan 1302 yang ditulis menggunakan tulisan yang sama.
- Tulisan pada batu bersurat itu menerangkan tentang hukum Syara' yang wajib dipatuhi oleh rakyat. Penemuan batu bersurat ini membuktikan bahawa agama Islam telah dipraktikkan di Alam Melayu pada abad ke-14.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Manakala penggunaan tulisan jawi pada kitab – kitab juga ditemui di Kesultanan Aceh seperti *Bustan Al – Salatin* karangan Syeikh Nuruddin Al – Raniri dan *Taj Us- Salatin* karangan Bukhari Al – Jauhari.
- Sementara itu tulisan jawi yang digunakan pada manuskrip pula antara lain adalah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Banjar*. Penggunaan tulisan jawi dalam menuskrip termasuklah manuskrip mengenai undang – undang seperti yang didapati pada *Hukum Kanun Melaka* dan *Hukum Kanun Pahang*.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Melihat pada luasnya penggunaan tulisan jawi, maka ia menjadikan tulisan berkenaan sebagai identiti bangsa Melayu. Sama halnya dengan Kesultanan Brunei yang menggunakan tulisan jawi dalam penulisan batu nisan, surat–surat sultan, surat–surat perjanjian dan manuskrip.
- Misalnya, tulisan jawi pada batu nisan di Brunei ditemui pada:
  - ❖ Batu nisan Rokayah binti Sultan Abdul Majid Hasan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Residency, Bandar Seri Begawan bertarikh 1408.
  - ❖ Batu nisan Sultan Sharif Ali di Kota Batu, Bandar Seri Begawan bertarikh 836 Hijrah bersamaan 1432.
  - ❖ Batu nisan Syeikh Adam di Kota Batu bertarikh 858 Hijrah bersamaan 1437

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Tulisan jawi yang digunakan untuk menulis surat – surat sultan pula ditemui melalui surat Sultan Abdul Jalilul Akhbar kepada Gabenor Jeneral Don Francisco Tello, Gabenor Sepanyol di Manila pada tahun 1599 dan warkah Sultan Omar Ali Saifuddien II kepada kapten Rodney Mundy.
- Manakala surat perjanjian yang ditulis dalam tulisan jawi pula adalah seperti surat perjanjian ketika Pengiran Muda Hashim melantik James Brooke sebagai Gabenor Sarawak Asal pada tahun 1841.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Sementara itu penggunaan tulisan jawi pada manuskrip didapati melalui *Salasilah Raja–Raja Berunai*.
- Penggunaan tulisan jawi pada manuskrip termasuklah mengenai undang – undang seperti yang dapat dilihat pada *Hukum Kanun Brunei*.
- Apabila *Hukum Kanun Brunei* ditulis menggunakan tulisan jawi, maka tulisan ini menjadi identiti bangsa Melayu Brunei sejak Islam berkembang di kesultanan ini pada abad ke-13. Oleh kerana *Hukum Kanun Brunei* ditulis menggunakan Bahasa Melayu maka ia telah mengukuhkan konsep MIB melalui tulisan kerana Melayu adalah salah satu daripada komponen MIB.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Ia juga telah mengangkat kedudukan Bahasa Melayu kerana ia digunakan untuk menulis undang–undang negara.
- Kedudukan Bahasa Melayu terus kukuh menjelang abad ke-20 apabila ia dijadikan bahasa rasmi negara sejak kewujudan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 hingga kini. Ia juga digunakan dalam pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 .

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



## ISLAM

- Agama Islam memang mempengaruhi penggubalan undang – undang kesultanan-kesultanan di Alam Melayu seperti yang didapati dalam *Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang*, *Undang –Undang Perak* dan *Undang–Undang Johor*.
- Begitu juga dengan *Hukum Kanun Brunei* yang kandungannya meliputi semua bidang dalam pelaksanaan hukum syarak termasuklah Undang – undang Jenayah seperti *hudud*, *qisas* dan *takzir*, Undang–undang Perniagaan (muamalat), Undang–undang Keluarga, dan Undang– undang Tatacara dan Keterangan.
- Hal ini dikukuhkan lagi apabila 23 daripada 50 fasal dalam *Hukum Kanun Brunei* adalah berunsurkan Islam.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



## ISLAM

- Dengan kewujudan undang–undang Syara’ ini maka ia membuktikan bahawa *Hukum Kanun Brunei* menjadi teras kepada perundangan Islam kerana sumber utamanya daripada Al-Quran dan Sunah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam.
- Walaupun *Hukum Kanun Brunei* mengandungi undang–undang adat tetapi pemakaian dan pelaksanaan hukum Syara’ sangat meluas dan menyeluruh. Ini kerana sebarang penyelewengan atau ajaran sesat yang bertentangan dengan Islam tidak terkandung dalam manuskrip ini

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Selain itu, kewujudan undang–undang Islam dalam *Hukum Kanun Brunei* juga memperlihatkan bagaimana sultan–sultan Brunei mengangkat martabat agama Islam sebagai agama rasmi apabila ia diberikan tempat dalam Perundangan Negara.
- Perkara ini setentunya mendokong kepada memperkasakan konsep MIB kerana Islam adalah sebahagian daripada komponen konsep berkenaan.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Dengan penggubalan undang–undang Islam juga memperlihatkan keadilan Sultan Brunei apabila *Hukum Kanun Brunei* tidak hanya dikhususkan untuk rakyat Brunei yang beragama Islam tetapi juga bagi yang bukan beragama Islam.
- Perkara ini jelas selain daripada undang–undang Islam, manuskrip berkenaan turut mengandungi undang–undang adat yang tidak berkaitan dengan Islam seperti yang telah disebutkan dalam kertas kerja ini.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



## BERAJA

- Raja atau Sultan memang mempunyai kuasa tertinggi dalam struktur pentadbiran dan politik Kesultanan Alam Melayu. Salah satu daripada kuasa raja adalah menjadi ketua agama seperti yang dikesan di Kesultanan Melaka, Pahang, Aceh dan Manguindanao.
- Kuasa seumpama ini turut ditemui di Kesultanan Brunei yang mula dikesan sejak Awang Alak Betatar memeluk agama Islam. Sebagai ketua agama, sultan Brunei bertanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



## BERAJA

- Bagi mencapai hasrat tersebut, sultan Brunei telah menggunakan kuasa baginda sebagai ketua agama untuk menggubal undang – undang kerana orang lain tidak berkuasa berbuat demikian kecuali baginda.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Tujuan sultan dalam menggubal undang – undang adalah untuk menjaga kepentingan, keamanan dan kesejahteraan sepertimana yang dikatakan oleh Sultan Abdul Momin bahawa:

*“Kita menjadi raja selama ini kita ada ikut aturan zaman raja–raja dahulu. Di belakang hayat kita siapa menggantikan kita hendaklah ikut aturan ini kelak tiada mendatangkan kusut di atas negeri”*

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Sebagai ketua agama Islam, sultan–sultan Brunei juga berusaha ke arah pelaksanaan *Hukum Kanun Brunei* seperti yang dilakukan oleh Sultan Sharif Ali yang telah membina masjid, menentukan arah kiblat, mencipta Panji–Panji Brunei yang semata–mata dilakukan untuk mengembangkan syiar Islam.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Usaha yang dilakukan oleh sultan–sultan Brunei mencapai kemuncaknya di zaman Sultan Bolkiah dan Sultan Muhammad Hassan dengan peluasan wilayah Brunei. Peluasan wilayah ini menjadi pengukuh kepada kedudukan Brunei sebagai sebuah Kerajaan Melayu Islam.
- Apabila kedudukan Islam sudah kukuh di Kesultanan Brunei, maka ia memudahkan kepada pelaksanaan *Hukum Kanun Brunei*.

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Peranan sultan Brunei dalam mendokong pelaksanaan undang–undang khususnya *Hukum Kanun Brunei* terbukti lagi di zaman Sultan Abdul Jalilul Akhbar ketika baginda memberikan nasihat kepada putera baginda, Sultan Abdul Jalilul Jabbar (1659 – 1660) untuk mengikut undang–undang kanun, resam dan syarak seperti petikan berikut:

*...Dan apa–apa hukumnya negeri ialah keempat Wazir serta Ceteria, memberi kapit anakanda serta adat istiadat mengikut undang – undang kanun, resam dan syara...*

# HUBUNGAN HUKUM KANUN BRUNEI DENGAN MELAYU ISLAM BERAJA



- Sehubungan dengan itu, memandangkan sultan-sultan Brunei telah memainkan peranan dalam menggubal undang–undang khususnya *Hukum Kanun Brunei*, maka ia telah mengukuhkan konsep MIB melalui komponen Beraja.
- Oleh itu, secara keseluruhannya, *Hukum Kanun Brunei* digubal bukan sahaja untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan masyarakat Brunei tetapi dalam masa yang sama telah mengukuhkan konsep MIB di Kesultanan Brunei.
- Pengukuhan konsep ini dikuatkan lagi melalui bukti – bukti pelaksanaan undang – undang Islam di Kesultanan Brunei yang kebanyakannya didapati pada abad ke-19.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Peranan *Hukum Kanun Brunei* dalam mengukuhkan konsep MIB dapat dibuktikan melalui pelaksanaan undang – undang Islam di Brunei khususnya pada abad ke-19. Perlaksanannya mampu memperlihatkan bagaimana gabungan ketiga – tiga komponen MIB telah memainkan peranan dalam setiap hukuman yang dijalankan.
- Bukti pelaksanaan undang – undang Islam pada abad ke-19 adalah jelas apabila fasal ketujuh tentang hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri telah dilaksanakan oleh Sultan Abdul Momin.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Hukuman tersebut didapati melalui laporan W.H. Treacher, Pemangu Konsul General British semasa kunjungannya ke Brunei dengan angkatan laut British. Setelah kapal itu berlabuh, tiga orang pencuri berjaya mencuri sebuah jam tangan emas dan selaras senapang.
- Treacher melaporkan perkara ini kepada Sultan Abdul Momin ketika beliau mengadap baginda pada keesokan harinya. Semasa mendengar laporan tersebut, baginda hanya berdiam diri, tetapi setelah Treacher sampai di Labuan beberapa hari kemudian beliau menerima sepucuk surat mengatakan pencuri – pencuri itu telah dihukum dengan potong tangan.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Akhir sekali, undang-undang Islam di Kesultanan Brunei pada abad ke-19 juga pernah dilaksanakan dalam bentuk kuasa sultan untuk mengampunkan pesalah. Kuasa baginda ini turut terkandung dalam *Hukum Kanun Brunei* melalui fasal keenam.
- Selain membuktikan pelaksanaan undang-undang Islam seperti yang terkandung dalam manuskrip berkenaan, kuasa sultan ini juga menunjukkan bahawa Sultan Brunei mempunyai daulat dan layak diiktiraf sebagai Khalifah Allah di muka bumi kerana mempunyai sifat pemurah seperti yang disarankan dalam Islam.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Bukti wujudnya kuasa ini didapati melalui tindakan Sultan Hashim (1885-1906) yang telah memberikan pengampunan kepada seorang penjenayah bernama Abdul Latif seorang peniup seruling mempersona dengan irama seruling yang digubah dan dimainkan beliau.
- Irama seruling yang digubah beliau dijadikan sebahagian daripada irama serunai naubat dan gendang jaga-jaga diraja dikenali sebagai Rampak Sangga Bunuh.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Melihat pada bukti bahawa *Hukum Kanun Brunei* sememangnya diamalkan pada abad ke-19, maka ia membayangkan manuskrip ini telah memainkan peranan yang penting dalam undang-undang Kesultanan Brunei sejak pegangan Islam sudah kukuh di kalangan masyarakat Brunei di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali.
- Walau bagaimanapun, setelah bermulanya pentadbiran British pada tahun 1906, manuskrip ini tidak lagi digunakan dan menjadikan peranannya dalam pentadbiran undang-undang Islam semakin disempitkan atau dihapuskan. Hal ini berlaku disebabkan oleh campur tangan British dalam semua hal ehwal dalam negeri kecuali urusan agama Islam.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Meskipun demikian, terdapat usaha yang dijalankan untuk mengembalikan peranan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Usaha ini telah dibuat oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Kahiri Waddien (1950 – 1967) tetapi ia hanya dibuat secara berperingkat-peringkat dan bukan secara penuh.
- Usaha ini diteruskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013 melalui pengisytiharan Perintah Hukuman Kanun Jenayah Syariah 2013.

# BUKTI PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGUKUHKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA



- Daripada usaha-usaha yang berterusan oleh sultan-sultan Brunei ternyata undang-undang Islam cuba dihidupkan kembali dan peranannya dititikberatkan dengan tidak hanya menghadkan peranan undang-undang Islam kepada hal keluarga tetapi menyeluruh kepada kehidupan masyarakat Brunei seperti pendidikan, pentadbiran, kesihatan, hal ehwal kewangan dan sebagainya.

# Kesimpulan



- Analisa dalam kertas kerja ini telah memperlihatkan bagaimana *Hukum Kanun Brunei* sebagai sebuah manuskrip lama Brunei bukan sahaja telah memainkan peranan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan Kesultanan Brunei tradisional tetapi ia telah mendokong kepada pengukuhan konsep Melayu Islam Beraja yang menjadi konsep bernegara dan berbangsa.
- Pengukuhan ini adalah jelas apabila ketiga–tiga komponen MIB ditemui dalam *Hukum Kanun Brunei*. Perkara ini dapat dilihat apabila komponen Melayu dikukuhkan melalui penulisan kerana manuskrip ini ditulis menggunakan tulisan Jawi dan disampaikan dalam Bahasa Melayu.

# Kesimpulan



- Sama halnya dengan komponen Islam di mana manuskrip tersebut turut mengandung undang–undang berunsurkan Islam yang meliputi semua bidang dalam pelaksanaan hukum Syara.’ Walaupun terdapat undang– undang adat di dalamnya tetapi ia diselaraskan dengan ajaran agama Islam untuk memberikan keadilan kepada golongan bukan Islam.
- Sementara itu, komponen beraja pula dikukuhkan apabila sultan adalah ketua agama Islam yang membolehkan baginda untuk menggubal undang–undang. Kuasa ini sesuai dengan peranan baginda sebagai Khalifah Allah yang bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat melalui pelaksanaan undang–undang yang bersesuaian untuk rakyat baginda yang beragama Islam dan juga yang bukan beragama Islam.
- Di samping itu juga, perbincangan mengenai bukti pelaksanaan undang– undang Islam yang terkandung dalam *Hukum Kanun Brunei* pula mengukuhkan lagi peranan manuskrip ini dalam menjulang konsep MIB.

**SEKIAN**

**MENJUNJUNG KASIH /  
TERIMA KASIH**

# Bibliografi



## Buku

Haji Asbol Haji Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19: Politik dan Struktur Pentadbiran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Asri Haji Puteh. (2003). *Hukum Kanun*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Tassim Haji Abu Bakar, (2015) . *Projeksi Melayu Islam Beraja Dalam Media Massa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah.

Haji Awang Asbol Haji Mail, Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah, Nani Suryani Haji Abu Bakar, Hajah Asiyah Az Zahra Haji Ahmad Kumpoh & Haji Tassim Haji Abu Bakar. (2019). *Melayu Islam Beraja, The Malay Islamic Monarchy in Negara Brunei Darussalam Prior to 1906: A Historical Study*. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei.

Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Said. (1981). *Aceh Sepanjang Abad* (Jilid I). Medan: P.T. Percetakan dan Penerbitan Waspada, 1981. Internet Archive e-book. Diakses pada 10hb September 2019 dari <https://archive.org/details/00389>

# Bibliografi



Pehin Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri. (1973). *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei* Bil. II. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_, (1983). *Syair Rakis / karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

\_\_\_\_\_, (1997). *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

\_\_\_\_\_, (2001). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

\_\_\_\_\_, (2002). *Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Pengiran Dr. Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman. (2005). *Islam di Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Winstedt, R. O. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Revised, Edited and Introduced by Y.A. Talib. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. (M.B.R.A.S. Reprint No. 12).

Yura Halim & Pehin Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri. (1958). *Sejarah Berunai*. Kuala Belait: Percetakan Brunei Press.

# Bibliografi



## Artikel

Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. (2002). Peranan Manuskrip Melayu dalam Memantapkan Kebudayaan Bangsa. *Beriga*, Bil. 77, 3 – 11.

Carroll, John, S. (1982). Berunai in the Boxer Codex. *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society* 55, Part 2, 1 – 25.

Hajah Hanan Pehin Haji Awang Abdul Aziz (2018). Syariah Penal Code Order, 2013: His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah The Complement. dlm. Haji Awang Asbol Haji Mail, Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah, Haji Awang Mohamad Yusop Haji Awang Damit & Haji Rosli Haji Ampal (Eds.). *Kegemilangan Pemerintahan: Kumpulan Artikel Sempena Jubli Emas Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1967 – 2017)*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hajah Saadiah Haji Tamit. (2010). Hukum Kanun Brunei Teras Perundangan Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal. dlm. Muhammad Hadi Muhammad Melayong & Haji Rosli Haji Ampal (Eds.). *Menyusuri Sejarah Nasional: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Persatuan Sejarah Brunei.

# Bibliografi



Hajah Zainon Haji Mohd. Tahir. (2016). Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah: Sejarah dan Perkembangannya. *Beriga*, Bil.117, 18 – 39.

Haji Hashim Haji Abd. Hamid. (2003). *Jejak – Jejak... Kumpulan Kertas Kerja Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

Haji Matassim Haji Jibah. (2012). Hukum Kanun Brunei: Pendukung Teras Negara Melayu Islam Beraja. dlm. Haji Awang Asbol Haji Mail & Haji Rosli Haji Ampal (Eds.), *Kemerdekaan 25 Tahun: Kumpulan Artikel Sejarah Memperingati 25 Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Persatuan Sejarah Brunei.

Haji Mohamad Amin Hassan. (2004). Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei di Akhir Abad ke XVI. *Jurnal Darussalam*, Bil,5, 87 – 124.

Haji Mohd. Ariffin H.B. Hidup. (2008). Kemakmuran dan Kemasyhuran dalam Pemerintahan Sultan – Sultan Brunei: Satu Kajian Awal. *Beriga*, Bil.101, 56 – 70.

# Bibliografi



Haji Mohd. Taib Osman. (2001). Bahasa Melayu sebagai Wadah Ilmu. *Beriga*, Bil.72, 26 – 41.

Hughes-Hallet, H, R. (1940). A Sketch of the History of Brunei. *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society* 18(2), 24 – 41.

Johar Muhamad. (2010). Mahkamah Syariah dan Undang – Undang Keluarga Islam Brunei. *Beriga*, Bil.104, 42 – 78.

Metassim Jibah. (1980). Chatatan Mengenai Hukum Kanun Brunei. *Bahana* 15(33), 45 – 53.

Mohammad Jefri Haji Sabli. (2009). Penganalisaan Undang – Undang Pertama Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Darussalam*, Bil.9, 24 – 56.

Pehin Dr. Haji Mohd. Jamil Al – Sufri (2008). Tulisan Jawi dan Perkembangannya di Brunei. *Jurnal Darussalam*, Bil.8, 6 – 49.

Siti Haji Sabtu. (2014). Sejarah bermulanya Tulisan Jawi dan Perkembangannya di Negara Brunei Darussalam. *Kritikan dan Rekonstruksi Sejarah Berasaskan Rekod: Kompilasi Esei Pilihan Peraduan Menulis Esei Sempena Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2012*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium – Muzium.

# Bibliografi



Sweeney, P.L. Amin. (1968). Silsilah Raja-Raja Berunai. *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society* XLI, Pt. 2, 1 – 82.

Treacher, W, H. (1889). British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* XX, Part I, 15 – 74.

Wan Hussein Azmi. (1980). Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7 – 20M). Dalam Khoo Kay Kim, Mohd. Fadzil Othman et al. (Eds.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

## Kertas Kerja

Yusof Ahmad Talib. (1 – 5 Jun 1989). *Jawi Script: Its Significance and Contribution to the Malay World*. Kertas Kerja dibentangkan di International Seminar on Islamic Civilisation in the Malay World, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

## Tesis

Siti Zaliha Abu Salim. (1992). *Sistem Kehakiman Brunei dan Perbandingannya dengan Sistem Kehakiman Islam* (Tesis MA). Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Malaysia.